



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK HARI INI OLEH DOSM

PADA 12:00 TENGAH HARI

STATS ALERT: #28
10 FEBRUARI 2023
SDDS

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ST4 2022



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



StatsMalaysia
f i t y
www.dosm.gov.my

EKONOMI MALAYSIA MENINGKAT 7.0 PERATUS

ST4 2022



KDNK (Nilai)

ST4 2022 **ST3 2022**
RM397.2b | **RM383.8b**

Prestasi

Okt. – Disember 2022

Okt. Nov. Dis.


7.0% **5.7%** **8.3%**




Perbandingan
tahap ekonomi
pra-pandemik
2022/2019

5.9%


KDNK Suku Tahunan – Nilai dan Kadar Pertumbuhan



KDNK Bulanan – Kadar Pertumbuhan, YoY (%)



KDNK Tahunan – Kadar Pertumbuhan, YoY (%)



PRESTASI EKONOMI MENGIKUT KAEDAH PENGELUARAN & PERBELANJAAN

PENGELUARAN



Perkhidmatan

8.9% | 16.7%

Sumbangan: 58.6%



Pembuatan

3.9% | 13.2%


Sumbangan: 24.0%



Perlombongan & pengkuarian

6.8% | 9.2%


Sumbangan: 6.4%



Pertanian

1.1% | 1.2%

Sumbangan: 6.3%



Pembinaan

10.1% | 15.3%

Sumbangan: 3.5%

Nota:

- i. Tidak termasuk duti import
- ii. Perubahan % tahun ke tahun
- iii. ST4 2022 | ST3 2022
- iv. ● ST4 2022 ● ST3 2022

PERBELANJAAN

Pembentukan Modal Tetap
Kasar (PMTK)

Perbelanjaan
Penggunaan Akhir
Swasta (PFCE)

7.4

15.1

8.8

13.1

Perbelanjaan
Penggunaan Akhir
Kerajaan

2.4

4.5

Eksport

9.6

23.9

Import

8.1

24.4

Sumber: Akaun Negara, Keluaran Dalam Negeri Kasar, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Ekonomi Malaysia berkembang 7.0 peratus pada suku tahun keempat, dengan merekodkan pertumbuhan tahunan 8.7 peratus pada 2022, tertinggi sejak tahun 2000 (8.9%)

- KDNK Malaysia pada suku tahun keempat 2022 berkembang 7.0 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 14.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK menyusut 2.6 peratus.
- Prestasi ekonomi bulanan berkembang sederhana pada suku tahun keempat dengan pertumbuhan 7.0 peratus pada Oktober, diikuti 5.7 peratus pada November dan terus meningkat kepada 8.3 peratus pada Disember 2022. Sementara itu, prestasi ekonomi bagi suku tahun keempat 2022 telah melepasi paras prapandemik sebanyak 7.2 peratus.
- Secara keseluruhan, prestasi ekonomi Malaysia meningkat kepada 8.7 peratus pada 2022 berbanding 3.1 peratus pada tahun sebelumnya yang merupakan pertumbuhan tahunan tertinggi yang dicatatkan dalam tempoh 22 tahun (2000: 8.9%).

KDNK mengikut Kaedah Pengeluaran

- Sektor **Perkhidmatan** merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia dan meningkat 8.9 peratus pada suku tahun keempat 2022. Prestasi memberangsangkan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit (9.8%), Pengangkutan & penyimpanan (22.6%) dan Makanan & minuman dan penginapan (25.2%). Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Perkhidmatan merosot 2.6 peratus.
- Sektor **Pembuatan** berkembang sederhana 3.9 peratus pada suku tahun keempat 2022 dipacu oleh Produk elektrik, elektronik & optikal (9.2%) diikuti oleh Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan (4.9%). Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, keseluruhan sektor Pembuatan merosot 2.4 peratus.
- Sektor **Perlombongan & pengkuarian** meningkat 6.8 peratus disokong oleh kesemua aktiviti terutamanya subsektor Gas asli dan Minyak mentah & kondensat yang masing-masing meningkat 7.4 peratus dan 5.2 peratus pada suku ini. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini menurun 3.7 peratus.

Ekonomi Malaysia berkembang 7.0 peratus pada suku tahun keempat, dengan merekodkan pertumbuhan tahunan 8.7 peratus pada 2022, tertinggi sejak tahun 2000 (8.9%)

- Sektor **Pembinaan** mengekalkan pertumbuhan dua digit 10.1 peratus pada suku tahun keempat 2022. Prestasi sektor ini disumbangkan oleh pertumbuhan positif dalam kesemua subsektor, terutamanya dalam Kejuruteraan awam (17.9%) dan Bangunan bukan kediaman (10.7%). Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembinaan menyusut 7.3 peratus.
- Sektor **Pertanian** bertumbuh perlahan 1.1 peratus pada suku ini disokong oleh prestasi yang lebih baik dalam subsektor Kelapa sawit (9.6%). Sektor ini mencatatkan peningkatan 1.4 peratus bagi terma pelarasan musim.

KDNK mengikut Kaedah Perbelanjaan

- Kesemua komponen perbelanjaan menunjukkan prestasi positif yang didominasi oleh penggunaan isi rumah dan Pembentukan modal tetap kasar.
- **Perbelanjaan penggunaan akhir swasta** menyumbang 58.2 peratus kepada KDNK, meningkat 7.4 peratus disumbangkan oleh penggunaan yang lebih tinggi dalam Pengangkutan (11.7%), Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (10.0%) dan Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan (42.7%) pada suku tahun keempat 2022. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, prestasi keseluruhan Perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatatkan penurunan 2.9 peratus.
- **Pembentukan modal tetap kasar (PMTK)** tetap meningkat 8.8 peratus (ST3 2022: 13.1%) pada suku tahun ini. Prestasi PMTK disumbangkan oleh Struktur (9.9%), Jentera & peralatan (8.6%) dan Aset lain (3.0%). Berdasarkan PMTK mengikut sektor, kedua-dua sektor Awam dan Swasta merekodkan peningkatan pada suku tahun keempat 2022. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, PMTK mencatatkan peningkatan marginal 0.3 peratus.
- Kedua-dua **Eksport** dan **Import** bertumbuh pada kadar sederhana masing-masing 9.6 peratus dan 8.1 peratus, berikutan pertumbuhan lebih perlahan dalam barangan. Oleh itu, Eksport bersih meningkat sebanyak 23.4 peratus berbanding 18.7 peratus pada suku sebelumnya.
- **Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan** menyederhana 2.4 peratus disokong oleh pertumbuhan perlahan dalam perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan menyusut 5.4 peratus pada suku ini.